

**Maal Hijrah Disambut Sederhana Dengan Semangat Hijrah Ke Arah Perpaduan Ummah**  
**Bernama**  
**15 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Sambutan Maal Hijrah 1434 hari Khamis disambut sederhana dengan aktiviti keagamaan termasuk kuliah dan ceramah yang menyeru umat Islam berhijrah ke arah perpaduan sejajar dengan tema sambutan tahun ini 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah'.

Di PUTRAJAYA, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya sempena sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan berkata umat Islam perlu menyingkirkan sifat-sifat yang membawa perpecahan, sebaliknya mencari titik persamaan dan bukannya perbezaan serta berlaku adil dan ikhlas demi membina kekuatan dan perpaduan ummah.

Katanya perpaduan memerlukan pengorbanan, keikhlasan dan semangat penerimaan yang mendalam; mencari kebaikan bukan keburukan, kesempurnaan bukan kecacatan; sentiasa meraikan, memuji, menasihati, menegur; dan jauh sekali meminggir, memaki, menghina ataupun memfitnah.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri menyediakan ruang untuk seluruh rakyat, tanpa mengira kaum dan agama, menyumbang dan berbakti untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara.

"Justeru, sempena sambutan Maal Hijrah pada tahun ini, marilah kita mengukuhkan perpaduan dan kerjasama bukan sahaja dalam kalangan umat Islam, tetapi juga antara sesama rakyat Malaysia yang berlainan kaum dan agama," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709329>